

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa Sekuriti Kerajaan Malaysia telah dikeluarkan dan bakal dikeluarkan untuk tahun kewangan 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tempoh setengah tahun pertama 2020, Kerajaan telah menerbitkan bon dan sukuk sebanyak RM100.8 bilion merangkumi RM37.5 bilion Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (TPKM) sebanyak RM40.3 bilion dan bil Perbendaharaan berjumlah RM23 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM41.2 bilion digunakan untuk membiayai semula hutang yang matang manakala RM59.6 bilion adalah bagi membiayai defisit dalam separuh tahun pertama 2020 serta sebahagian hutang yang akan matang dan defisit fiskal pada bulan seterusnya.

2. Jumlah pinjaman kasar bagi tahun 2020 akan turut mengambil kira tambahan pinjaman bagi membiayai pelaksanaan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi dengan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion, yang diperoleh sepenuhnya menerusi pinjaman domestik. Semua langkah yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi adalah bersifat *one-off* agar tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Hal ini adalah penting bagi memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Di samping itu, negara juga mempunyai dana kecairan yang mencukupi dan pelbagai, sekitar RM150 bilion yang disokong pasaran kewangan yang kukuh.

Sekian, terima kasih.